PEDOMAN ABADI SDN BHD lwn. PENGARAH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
BHUPINDAR SINGH H
[RAYUAN JENAYAH NO: BA-41(Ors)-4-02-2024]
9 JUN 2025

Abstrak – *(i) Tanggungjawab membuktikan bahawa sitaan sebuah kenderaan dibuat bawah s. 80(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 ('APAD') adalah teratur dan mengikut undang-undang, terletak pada bahu pihak yang menyita kenderaan. Kegagalan membuktikan sedemikian mewajarkan kenderaan tersebut dikembalikan sementara dengan syarat-syarat tertentu sehingga perbicaraan kes selesai; (ii) Peruntukan s. 80(2) APAD adalah jelas bahawa kenderaan yang disita boleh, mengikut budi bicara pegawai pengangkutan jalan, dikembalikan secara sementara kepada pemunyanya, apabila jaminan yang memuaskan hati pegawai itu diberikan bahawa kenderaan itu akan diserahkan balik kepada pegawai apabila diminta; (iii) Pihak yang menyita kenderaan harus membuat keputusan apabila menerima permohonan pelepasan sementara, sama ada untuk memulangkan kenderaan tersebut secara sementara ataupun tidak dan keputusan ini hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada tuan punya kenderaan tersebut.*

PROSEDUR JENAYAH: *Penyitaan – Kenderaan – Permohonan untuk pemulangan sementara kenderaan – Sama ada kenderaan disita oleh pegawai yang diberi kuasa bawah s. 80(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 ('APAD') – Sama ada kenderaan hendaklah dilepaskan apabila tamat tempoh satu bulan dari tarikh penyitaan – Sama ada pegawai pendakwa membuat kesimpulan tersendiri bertentangan dengan peruntukan s. 80(2) APAD – Sama ada pihak menyita kenderaan harus membuat keputusan apabila menerima permohonan pelepasan sementara – Sama ada kenderaan wajar dikembalikan sementara dengan syarat-syarat tertentu sehingga perbicaraan kes selesai*

Ini adalah rayuan perayu terhadap keputusan Majistret menolak notis usul perayu, iaitu satu permohonan bawah s. 80 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 ('APAD'). Permohonan perayu adalah untuk pemulangan sementara kenderaan bernombor pendaftaran BQD 3998 ('lori'). Lori tersebut disita oleh pihak responden pada 31 Mei 2023. Perayu menegaskan dalam afidavit balasannya bahawa (i) pihak responden gagal membuktikan bahawa lori tersebut telah disita oleh pegawai yang diberi kuasa bawah s. 80(1) APAD; dan (ii) sehingga hari ini, perayu tidak menerima apa-apa notis penyitaan daripada responden berkenaan lori tersebut.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu):

(1) Berdasarkan s. 80(1) APAD, kenderaan yang disyaki melakukan kesalahan bawah subseksyen ini boleh disita oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, pegawai pengangkutan jalan atau pegawai pengangkutan awam darat. Dalam permohonan ini, tidak terdapat apa-apa maklumat mengenai siapakah yang telah menyita lori tersebut kerana tiada notis penyitaan dikemukakan oleh pihak responden. Mahkamah ini tidak boleh membuat andaian tentang pegawai yang menyita lori tersebut. Tanggungjawab untuk membuktikan bahawa sitaan bawah s. 80(1) APAD adalah teratur dan mengikut undang-undang terletak pada bahu responden. Memandangkan responden gagal untuk membuktikan bahawa penyitaan lori tersebut dibuat mengikut peruntukan s. 80(1) APAD, maka adalah wajar lori tersebut dikembalikan sementara dengan syarat-syarat tertentu kepada perayu sehingga perbicaraan mengenai kes yang didaftarkan terhadap perayu diselesaikan. (perenggan 6)

(2) Menurut s. 80(5) APAD, jika tiada pendakwaan berkenaan lori tersebut yang disita bawah s. 80(1), maka lori tersebut hendaklah dilepaskan apabila tamat tempoh satu bulan dari tarikh penyitaan itu. Perayu menyatakan lori tersebut disita pada 31 Mei 2023. Perayu dituduh untuk kes tersebut pada 20 Julai 2023. Tempoh masa ini sememangnya melebihi satu bulan dari tarikh penyitaan dan mengikut s. 80(5) APAD, lori tersebut hendaklah dilepaskan kepada perayu. Oleh sebab terdapat kekeliruan tentang bilakah pendakwaan dimulakan terhadap perayu untuk kes tersebut, lori tersebut harus dikembalikan sementara sehingga isu-isu substantif boleh dibicarakan dalam kes tersebut. (perenggan 7-8)

(3) Peguam perayu dan pegawai pendakwa tidak teliti dalam mengendalikan tugas mereka. Mereka telah mengemukakan fakta dan dokumen secara terus di Mahkamah Majistret semasa penghujahan. Perkara ini sepatutnya dilakukan melalui pemfailan afidavit. Pegawai pendakwa turut membuat kesimpulan dan pendiriannya tersendiri yang bertentangan dengan peruntukan s. 80(2) APAD apabila menyatakan 'Daripada awal kes ini dijalankan memang pihak responden tidak akan melepaskan kenderaan selagi kes masih belum selesai.' Peruntukan s. 80(2) APAD sangat jelas iaitu kenderaan yang disita boleh, mengikut budi bicara pegawai pengangkutan jalan, dikembalikan secara sementara kepada pemunyanya, apabila jaminan yang memuaskan hati pegawai itu diberikan bahawa kenderaan itu akan diserahkan balik kepada pegawai itu apabila diminta. Majistret juga tersalah arah dalam membuat keputusannya kerana mengambil kira fakta dan dokumen yang dikemukakan secara terus di mahkamah oleh kedua-dua pihak. Beliau juga mengguna pakai tafsiran pegawai pendakwa dalam penghakimannya. Berdasarkan isu ini sahaja rayuan perayu harus dibenarkan. (perenggan 10-12)

(4) Fakta tentang tiada alasan diberikan oleh pihak responden untuk pelepasan lori tersebut tidak dijawab oleh pihak responden. Ini bermaksud bahawa pihak responden bersetuju dengan keterangan fakta yang dinyatakan oleh perayu dalam afidavitnya. Ini secara tidak langsung mendedahkan yang pihak responden tidak membuat apa-apa keputusan tentang permohonan perayu. Berdasarkan kegagalan ini dan demi kepentingan keadilan, mahkamah ini membuat keputusan untuk pelepasan sementara lori tersebut dengan syarat-syarat tertentu sehingga pendakwaan kes tersebut diselesaikan. Keputusan pelucuthakan atau pelepasan lori tersebut bawah s. 80(3) APAD hanya boleh dibuat setelah pendakwaan kes tersebut telah dilakukan. (perenggan 13 & 20)

Obiter:

(1) Pihak yang menyita kenderaan sepatutnya melaksanakan tugas yang diperuntukkan bawah s. 80(2) APAD. Apabila tuan punya kenderaan yang disita memohon untuk pelepasan sementara kenderaan tersebut, pegawai yang dinyatakan dalam s. 80(2) APAD hendaklah membuat keputusan mengenai permohonan itu. Sebaliknya, permohonan oleh tuan punya kenderaan dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa jawapan rasmi secara bertulis daripada pihak yang menyita kenderaan tersebut. Oleh itu, tuan punya kenderaan akan berlari mengetuk pintu mahkamah untuk mendapat keadilan. Kegagalan pihak yang menyita kenderaan membuat keputusan mengenai permohonan pelepasan sementara akan memudaratkan tuan punya kenderaan tersebut. Tuan punya kenderaan tersebut tidak akan dapat meneruskan perniagaannya atau menepati pesanan kerja yang telah dipersetujui. Tambahan pula, tanpa pelepasan sementara kenderaan, tuan punya kenderaan itu akan mengalami kerugian kerana tiada pendapatan boleh diperoleh daripada kenderaan tersebut dan hutang pihak bank masih perlu dibayar setiap bulan. (perenggan 15-16)

(2) Penyelesaiannya adalah mudah. Pihak yang menyita kenderaan bawah s. 80(1) APAD harus membuat keputusan apabila menerima permohonan pelepasan sementara, sama ada untuk memulangkan kenderaan tersebut secara sementara ataupun tidak. Keputusan ini hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada tuan punya kenderaan tersebut. Terpulanglah pada tuan punya kenderaan sama ada dia ingin mencabar keputusan itu atau tidak. Tetapi pihak yang menyita kenderaan bawah s. 80(1) APAD tidak seharusnya berpeluk tubuh sahaja apabila menerima surat permohonan pelepasan sementara kenderaan tersebut. (perenggan 17)

Kes-kes yang dirujuk:
Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Perbadanan Pengurusan Trellises & Ors And Other Appeals [2023] 5 CLJ 167 FC ***(dirujuk)***
Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Bhd [1995] 1 CLJ 609 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Land Public Transport Act 2010, ss. 57(1)(a), (b)(vi), 80(1), (2), (5)

Bagi pihak perayu - Kirthiraj Rajasundram; T/n CK Gan & Sui
Bagi pihak responden - Alison Chan May Kam; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Bhupindar Singh J:

[1] Perayu dalam kes ini telah merayu terhadap keputusan Tuan Majistret yang menolak notis usul perayu, iaitu suatu permohonan yang dibuat di bawah s. 80 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD).

[2] Setelah meneliti permohonan dan afidavit sokongan yang difailkan oleh pihak perayu, mahkamah ini mendapati bahawa permohonan perayu sebenarnya adalah untuk pemulangan sementara kenderaan bernombor pendaftaran BQD 3998 (lori tersebut). Lori tersebut telah disita oleh pihak responden pada 31 Mei 2023. Perenggan yang relevan dalam afidavit sokongan perayu yang mendedahkan perkara ini adalah seperti yang berikut:

> 8. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa pihak Responden mempunyai kuasa juga untuk melepaskan dan mengembalikan satu buah lori syarikat saya dengan serta merta dalam keadaan yang baik supaya syarikat kami dapat menggunakan satu buah lori untuk urusan perniagaan kami.
>
> 9. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa syarikat kami merupakan sebuah syarikat logistik yang mana lori yang disita oleh pihak Responden adalah aset yang amat penting bagi syarikat kami untuk menguruskan perniagaan harian dan menghantar barang-barang ke tempat tertentu pada masa dan tarikh yang ditetapkan ...
>
> 13. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa **saya juga boleh mengembalikan satu buah lori pada pihak Responden pada bila-bila masa** diarahkan oleh pihak Responden dan **akur dengan mana-mana** syarikat **[syarat] tambahan yang dicadangkan dan/atau diarahkan oleh pihak Tuan** pada syarikat kami.
>
> 14. Syarikat kami percaya jaminan yang memuaskan hati pihak Responden dapat diberikan bahawa **lori-lori syarikat kami akan diserahkan balik kepada pihak Responden apabila diperlukan dan diminta**.
>
> (penekanan ditambah)

[3] Peruntukan yang berkaitan dalam permohonan perayu ialah s. 80 APAD, yang dikemukakan seperti di bawah:

Kuasa untuk menyita kenderaan yang berkaitan bagi kesalahan tertentu

80. (1) Mana-mana kenderaan yang berkaitan yang berkenaan dengannya terdapat atau ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa telah berlaku apa-apa kesalahan terhadap seksyen 16, 28, 36, 46, 51 atau 63, subseksyen 22(3), 41(3) atau 57(3), atau perenggan 23(1)(b), 42(1)(b) atau 58(1)(b) boleh disita oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, pegawai pengangkutan jalan atau pegawai pengangkutan awam darat, di mana-mana tempat.

(2) Apabila suatu kenderaan yang berkaitan telah disita di bawah subseksyen (1), seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, seorang pegawai pengangkutan jalan atau seorang pegawai pengangkutan awam darat, boleh, mengikut budi bicaranya, mengembalikan kenderaan itu secara sementara kepada pemunyanya, apabila jaminan yang memuaskan hati pegawai itu diberikan bahawa kenderaan itu akan diserahkan balik kepada pegawai itu apabila diminta.

(3) Sesuatu perintah bagi pelucuthakan atau bagi pelepasan mana-mana kenderaan yang berkaitan yang disita di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan yang berkaitan dengan perkara itu telah dilakukan.

(4) Sesuatu perintah bagi pelucuthakan suatu kenderaan yang berkaitan di bawah subseksyen (3) hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan yang disebut di bawah subseksyen (1) telah dilakukan dan bahawa kenderaan itu ialah hal perkara bagi kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(5) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kenderaan yang berkaitan yang disita di bawah subseksyen (1), kenderaan itu hendaklah dilepaskan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan itu melainkan jika kenderaan itu telah dilepaskan sebelum itu.

[4] Perayu telah menegaskan dalam afidavit balasannya bahawa pihak responden gagal membuktikan bahawa lori tersebut telah disita oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah s. 80(1) APAD. Dalam keadaan biasa apabila pihak responden menyita apa-apa kenderaan, suatu notis penyitaan akan dikeluarkan oleh pegawai yang menyita dan nama serta jawatan pegawai berkenaan akan tercatat dalam notis penyitaan tersebut. Maklumat orang yang memiliki kenderaan serta tandatangannya juga akan diambil dan tertera dalam notis tersebut. Contoh salinan notis penyitaan adalah seperti yang berikut:

A

APAD (80)/01 No. Siri: 013356

B

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
NOTIS PENYITAAN KENDERAAN
Di Bawah Subseksyen 50(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010

C

Pos Berdaftar / Dengan Tangan
Kepada:

Tuan/Puan,

D

Dimaklumkan bahawa kenderaan tuan/puan yang bernombor pendaftaran _____ pada tarikh _____ bertempat di _____ disyaki telah digunakan atau menyebabkan diguna sebagai ***kenderaan perkhidmatan awam/kenderaan barangan/kenderaan pelancongan** tanpa lesen pengendali/lesen pengendali digantung/melanggar syarat lesen pengendali di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Dengan ini, tuan/puan telah melanggar peruntukan **Seksyen *16/28/36/45/51/63 subseksyen 22(3), 41(3), atau 57(3), atau perenggan 23(1)*(b)*, 42(1)*(b)* atau 58(1)*(b)*** di bawah Akta yang sama.

E

2. Dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, kenderaan tuan/puan akan disita yang tidak ditetapkan tempoh penahanan mulai _____ atau dilepaskan secara sementara atau kekal oleh pegawai pengangkutan jalan.

3. Sila pastikan pihak tuan/puan mengeluarkan semua barang berharga di dalam kenderaan tersebut. Jabatan tidak akan bertanggungjawab di atas segala kerosakan dan kehilangan barang akibat penahanan ini.

Sekian, terima kasih.

F

SALEMAN BIN MAT SOM
Pembantu Penguatkuasa KP22
Bahagian Penguatkuasa
Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan
Malaysia

Pegawai: _____
Jabatan: _____
Negeri: _____

G

Diserahkan kepada: _____ (Nama Penerima)
No. Kad Pengenalan: _____ Oleh: _____ (Nama Pegawai Pengangkutan Jalan)

_____
Tandatangan Penerima:

H

I

[5] Selain itu, perayu turut menyatakan bahawa sehingga hari ini, perayu tidak menerima sebarang notis penyitaan daripada responden berkenaan lori tersebut. Pihak responden dalam afidavit jawapannya tidak mengemukakan apa-apa notis penyitaan. Tambahan pula tiada afidavit lanjutan difailkan oleh pihak responden untuk menjawab fakta-fakta dalam afidavit balasan perayu.

[6] Berdasarkan s. 80(1) APAD kenderaan yang disyaki melakukan kesalahan di bawah subseksyen ini boleh disita oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, pegawai pengangkutan jalan atau pegawai pengangkutan awam darat. Dalam permohonan ini tidak terdapat apa-apa maklumat mengenai siapakah yang telah menyita lori tersebut kerana tiada notis penyitaan dikemukakan oleh pihak responden. Mahkamah ini tidak boleh membuat andaian tentang pegawai yang menyita lori tersebut. Tanggungjawab bagi membuktikan bahawa sitaan di bawah s. 80(1) APAD adalah teratur dan mengikut undang-undang terletak pada bahu responden. Memandangkan responden telah gagal untuk membuktikan bahawa penyitaan lori tersebut dibuat mengikut peruntukan s. 80(1) APAD, maka adalah wajar lori tersebut dikembalikan sementara dengan syarat-syarat tertentu kepada perayu sehingga perbicaraan mengenai kes yang didaftarkan terhadap perayu diselesaikan.

[7] Menurut s. 80(5) APAD, jika tiada pendakwaan berkenaan lori tersebut yang disita di bawah s. 80(1), maka lori tersebut hendaklah dilepaskan apabila tamat tempoh satu bulan dari tarikh penyitaan itu. Perayu menyatakan lori tersebut disita pada 31 Mei 2023. Dalam afidavit jawapan, responden menyatakan pendakwaan dimulakan terhadap perayu pada 28 Jun 2023 melalui kes No. BD-87-929-06/2023 (kes tersebut) tetapi perayu dalam afidavit balasannya telah menafikan kenyataan ini. Pihak responden juga tidak mengemukakan sebarang bukti atau kertas pertuduhan bagi menunjukkan bilakah pendakwaan dimulakan terhadap perayu dalam afidavit jawapan.

[8] Tuan Majistret telah menyatakan dalam alasan penghakimannya bahawa "Pada 20 Julai 2023, PASB telah dituduhkan di mahkamah ini di bawah s. 57(1)(a) dan (b)(vi) APAD 2010, bernombor kes BD-87- 929-06/ 2023, dan selanjutnya PASB tidak mengaku salah serta mohon untuk dibicarakan.". Jika dilihat daripada alasan penghakiman Tuan Majistret didapati perayu dituduh untuk kes tersebut pada 20 Julai 2023. Tempoh masa ini sememangnya melebihi tempoh satu bulan dari tarikh penyitaan dan mengikut s. 80(5) APAD lori tersebut hendaklah dilepaskan kepada perayu. Oleh sebab terdapat kekeliruan tentang bilakah pendakwaan dimulakan terhadap perayu untuk kes tersebut, mahkamah ini berpendapat bahawa lori tersebut harus dikembalikan sementara sehingga isu-isu substantif boleh dibicarakan dalam kes tersebut.

[9] Kertas pertuduhan bagi kes tersebut ada dikemukakan di Mahkamah Majistret semasa penghujahan, tetapi tiada dalam rekod rayuan, namun ia dapat dilihat dalam nota keterangan seperti yang berikut:

> PO: Diperingkat awal pertuduhan pendakwaan dibacakan dan permohonan juga telah dimasukkan dalam pertuduhan BD-87-929-06/2023. Telah dinyatakan tentang lucuthak dan *mohon kertas pertuduhan dikemukakan pada Mahkamah.*
>
> Peguam: Just for the rekod this *statement is from the Bar* and it's not stated in the affidavit or whatsoever that had been exhibited.
>
> Majistret: This is the statement from the Bar telah direkodkan. Mohon klarifikasi sama *ada pihak pemohon ada buat permohonan dibawah seksyen 80(2) untuk kenderaan itu dipulangkan.*
>
> Peguam: Kami tidak memohon secara notis permohonan bagi seksyen 80(2). *Di mana seksyen 80(2) adalah permohonan kepada pihak responden, pihak kami ada menghantar satu surat kepada pihak responden tapi tiada balasan dari pihak responden sehingga hari ini.*
>
> Majistret: Pada bila surat dihantar? Sebelum atas selepas pendakwaan BD-87-929-06/2023 dibuat di Mahkamah?
>
> Peguam: Saya percaya selepas. Surat bertarikh 19.10.2023, walau bagaimana pun tidak [tiada] keputusan diberikan. *Surat dikemukakan kepada Mahkamah.*
>
> Majistret: Berkenaan surat itu *ada apa-apa keputusan dari pihak responden* atau belum dipertimbangkan?
>
> PO: Daripada awal kes ini dijalankan memang pihak responden tidak akan melepaskan kenderaan selagi kes masih belum selesai. Dan surat yang dikemukakan kepada pihak responden juga tidak menyatakan seksyen 80(2). la menyatakan untuk melepaskan dan bukan pemulangan dibawah seksyen 80(2).
>
> (penekanan ditambah)

[10] Setelah melihat permohonan dan afidavit yang difailkan, mahkamah ini mendapati peguam yang bijaksana bagi perayu dan pegawai pendakwa tidak teliti dalam mengendalikan tugas mereka. Mereka telah mengemukakan fakta dan dokumen secara terus di Mahkamah Majistret semasa penghujahan. Perkara ini sepatutnya dilakukan melalui pemfailan afidavit. Dalam kes *Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Bhd* [1995] 1 CLJ 609, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa:

> I have carefully perused the affidavit filed by the respondent in support of its summons for judgment (which is the only affidavit delivered by it) but have been unable to discover any such explanation as that alluded to by the learned Judicial Commissioner. The only reference to the delay

> point is to be found in the address of Counsel for the respondent in the Court below and the explanation is in reality that of Counsel and not of his client under oath. It is a principle fundamental to our system of adversarial litigation that evidence upon a matter must be given on oath. **The practice of Counsel giving evidence from the Bar, as was done in this case, is to be deprecated**.
>
> (penekanan ditambah)

[11] Pegawai pendakwa turut membuat kesimpulan dan pendiriannya tersendiri yang bertentangan dengan peruntukan s. 80(2) APAD apabila menyatakan "Daripada awal kes ini dijalankan memang pihak responden tidak akan melepaskan kenderaan selagi kes masih belum selesai.". Peruntukan s. 80(2) APAD sememangnya sangat jelas iaitu kenderaan yang disita boleh, mengikut budi bicara pegawai pengangkutan jalan, dikembalikan secara sementara kepada pemunyanya, apabila jaminan yang memuaskan hati pegawai itu diberikan bahawa kenderaan itu akan diserahkan balik kepada pegawai itu apabila diminta.

[12] Tuan Majistret dalam alasan penghakimannya juga telah bergantung kepada fakta dan dokumen yang dikemukakan semasa penghujahan apabila memutuskan bahawa:

> adalah jelas bahawa pihak pemohon telah pun gagal untuk membuat permohonan kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan/atau kepada pengawai pengangkutan jalan ("JPJ") yang bertanggungjawab bagi memohon motorlori trailer tersebut dikembalikan secara sementara menurut seksyen 80(2) APAD 2010.
>
> surat permohonan pemohon yang dikemukakan kepada pihak JPJ adalah suatu permohonan untuk pelepasan terus. Permohonan tersebut adalah terjumlah kepada suatu permohonan yang cacat dan tidak mengikut peruntukan seksyen 80(2) APAD 2010 kerana sememangnya pihak JPJ tidak mempunyai kuasa untuk membenarkan apa-apa pelepasan motorlori trailer tersebut selain daripada mengembalikannya secara sementara apabila jaminan yang memuaskan diberikan.

Jika diteliti nota keterangan yang dipaparkan di atas, jelas kelihatan bahawa Tuan Majistret telah dipengaruhi oleh tafsiran fakta yang diutarakan oleh pegawai pendakwa semasa penghujahan. Ini adalah kerana pegawai pendakwa telah memberi pandangannya tersendiri mengenai surat permohonan perayu apabila dia merumuskan "Dan surat yang dikemukakan kepada pihak responden juga tidak menyatakan s. 80(2). la menyatakan untuk melepaskan dan bukan pemulangan di bawah s. 80(2).". Ingin dinyatakan bahawa surat permohonan ini tidak terdapat dalam rekod rayuan. Mahkamah ini berpendapat bahawa Tuan Majistret telah tersalah arah dalam membuat

keputusannya kerana telah mengambil kira fakta dan dokumen yang dikemukakan secara terus di mahkamah oleh kedua-dua pihak. Beliau juga telah mengguna pakai tafsiran pegawai pendakwa dalam penghakimannya. Berdasarkan isu ini sahaja rayuan perayu harus dibenarkan.

[13] Sebelum ini, saya telah menyatakan bahawa permohonan pelepasan sementara lori tersebut tidak dibuat dengan teliti oleh pihak perayu. Walau bagaimanapun tugas mahkamah ini adalah untuk melaksanakan keadilan dan segala keputusan yang dibuat mestilah untuk menegakkan keadilan. Demi kepentingan keadilan, Mahkamah dalam rayuan ini telah membuat keputusan, berdasarkan perenggan 3 notis usul perayu, untuk pelepasan sementara lori tersebut dengan syarat-syarat tertentu sehingga pendakwaan kes tersebut diselesaikan. Keputusan pelucuthakan atau pelepasan lori tersebut di bawah s. 80(3) APAD hanya boleh dibuat setelah pendakwaan kes tersebut telah dilakukan.

[14] Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan masalah yang timbul daiam kes-kes yang melibatkan penyitaan kenderaan di bawah s. 80(1) APAD. Memang tidak dinafikan bahawa pegawai yang dinyatakan daiam s. 80(1) APAD mempunyai kuasa untuk menyita kenderaan yang disyaki melakukan kesalahan yang tercatat dalam subseksyen tersebut.

[15] Namun, pihak yang menyita kenderaan sepatutnya melaksanakan tugas yang diperuntukkan di bawah s. 80(2) APAD. Apabila tuan punya kenderaan yang disita memohon untuk pelepasan sementara kenderaan tersebut, pegawai yang dinyatakan dalam s. 80(2) APAD hendaklah membuat keputusan mengenai permohonan itu. Sebaliknya, permohonan oleh tuan punya kenderaan akan dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa jawapan rasmi secara bertulis daripada pihak yang menyita kenderaan tersebut. Oleh itu, tuan punya kenderaan akan berlari mengetuk pintu mahkamah untuk mendapat keadilan.

[16] Kegagalan pihak yang menyita kenderaan untuk membuat keputusan mengenai permohonan pelepasan sementara akan memudaratkan tuan punya kenderaan tersebut. Tuan punya kenderaan tersebut tidak akan dapat meneruskan perniagaannya atau menepati pesanan kerja yang telah dipersetujui. Tambahan pula tanpa pelepasan sementara kenderaan, tuan punya kenderaan itu akan mengalami kerugian kerana tiada pendapatan boleh diperoleh daripada kenderaan tersebut dan hutang pihak bank masih perlu dibayar setiap bulan. Rintihan yang sama juga telah diluahkan oleh pihak perayu dalam afidavitnya.

[17] Penyelesaiannya adalah mudah, pihak yang menyita kenderaan di bawah s. 80(1) APAD harus membuat keputusan apabila menerima permohonan pelepasan sementara, sama ada untuk memulangkan kenderaan tersebut secara sementara ataupun tidak. Keputusan ini hendaklah

dimaklumkan secara bertulis kepada tuan punya kenderaan tersebut. Terpulanglah kepada tuan punya kenderaan sama ada dia ingin mencabar keputusan itu atau tidak. Tetapi pihak yang menyita kenderaan di bawah s. 80(1) APAD tidak seharusnya berpeluk tubuh sahaja apabila menerima surat permohonan pelepasan sementara kenderaan tersebut.

[18] Perayu dalam afidavit sokongan dan afidavit balasannya ada menyentuh secara tidak langsung tentang permohonannya kepada pihak responden apabila menyatakan bahawa:

> 15. Saya percaya bahawa tiada alasan dan merit untuk pihak Responden masih tahan lori Syarikat saya tanpa memberikan sebarang alasan untuk tahanan lanjut. Syarikat saya amat memerlukan tori yang ditahan untuk kegunaan pekerjaan.
>
> Dalam afidavit balasan:
>
> 13. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa pihak Responden telah gagal untuk memberikan sebarang alasan untuk tidak melepaskan lori-lori milik Pemohon yang mana memberikan kerugian dan kesengsaraan pada Syarikat Pemohon sehingga ke hari ini disebabkan barang-barang tidak dapat dihantar ke tempat yang ditempah mengikut pada masa dan tarikh yang ditempah.
>
> 23. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa pihak Responden gagal untuk memuaskan Mahkamah kerana Responden gapal untuk memberikan sebarang alasan untuk tidak melepaskan lori-lori milik Responden.

[19] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Perbadanan Pengurusan Trellises & Ors And Other Appeals* [2023] 5 CLJ 167 telah memutuskan bahawa:

> [502] However, the lack of an express statutory provision requiring a local authority to give reasons for its approval does not equate to a conclusion that there is absolutely no duty to give reasons at all. A failure to give any reason at all for the grant of a Development Order reduces transparency in the decision-making process.
>
> ...
>
> [510] In Dover District Council, the English Supreme Court acknowledged that there was no general duty to give reasons at common law yet it was trite that fairness may, in some circumstances, require the giving of reasons even where no express duty is imposed by statute. The Supreme Court then referred to *R v. Secretary of State for the Home Department, Ex p Doody* [1994] 1 AC 531 ('*Doody*'), where it was held that the prisoner concerned was entitled to the reasons for the Home Secretary's decision, before noting that the principal reason for imposing such a duty was to reveal any error that would entitle a court to intervene:

> To mount an effective attack on the decision, given no more material than the facts of the offence and the length of the penal element, the prisoner has virtually no means of ascertaining whether this is an instance where the decision-making process has gone astray. I think it important that there should be an effective means of detecting the kind of error which would entitle the court to intervene ...
>
> [521] We have considered the legal rationale above, and now endorse these principles. Openness or transparency comprises a rational basis on which to require that a local authority gives reasons, as much as effective supervision by the courts. They are separate rationales for the duty to give reasons.

[20] Fakta tentang tiada alasan diberikan oleh pihak responden untuk pelepasan lori tersebut tidak dijawab oleh pihak responden. Ini bermaksud bahawa pihak responden bersetuju dengan keterangan fakta yang dinyatakan oleh perayu dalam afidavitnya. la secara tidak langsung mendedahkan yang pihak responden tidak membuat apa-apa keputusan tentang permohonan perayu. Berdasarkan kegagalan ini, mahkamah telah membenarkan pelepasan sementara lori tersebut.

[21] Berlandaskan alasan-alasan yang diberikan di atas, mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu dan memerintahkan supaya lori tersebut dilepaskan sementara kepada perayu dengan syarat-syarat seperti yang berikut:

(i) lori tersebut hendaklah dilepaskan kepada perayu selepas segala urusan yang diperlukan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan selesai, dengan syarat tidak melebihi 14 hari dari tarikh perintah ini;

(ii) perayu atau sesiapa jua tidak dibenarkan menjual dan menukar milik lori tersebut;

(iii) perayu atau sesiapa jua tidak dibenarkan untuk mengecat warna lori tersebut;

(iv) perayu atau sesiapa jua tidak dibenarkan untuk menggantikan peralatan lori tersebut yang rosak tanpa kebenaran pihak responden atau mahkamah;

(v) perayu atau sesiapa jua tidak dibenarkan untuk membawa keluar lori tersebut dari negara Malaysia;

(vi) perayu hendaklah memastikan lori tersebut berada dalam keadaan yang baik sebagaimana semasa lori tersebut disita;

(vii) perayu tidak melakukan kesalahan yang sama seperti yang dituduh dalam kes tersebut selepas lori tersebut dipulangkan sementara;

(viii) perayu atau sesiapa jua hendaklah membawa lori tersebut ke pejabat responden atau mahkamah apabila diminta;

(ix) sekiranya perayu gagal mematuhi atau melanggar mana-mana syarat yang dinyatakan di atas, pihak responden berhak menyita semula lori tersebut sehingga keputusan sebaliknya oleh pihak responden atau mahkamah; dan

(x) perintah mahkamah ini hendaklah dilampirkan bersama borang pelepasan bagi kenderaan BQD 3998 yang akan ditandatangani oleh perayu, dan segala syarat yang dinyatakan dalam perintah ini hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada syarat yang terkandung dalam borang pelepasan tersebut.